

# Usim, Mains bangunkan pusat perubatan

SEREMBAN – Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) dalam usaha membangunkan klinik pakar dan pusat hemodialisis.

Dalam MoU itu, sebanyak RM2 juta diperuntukkan untuk penubuhan Klinik Pakar Kesihatan Usim di Nilai Square, manakala RM1.5 juta bagi pembinaan Pusat Hemodialisis Usim-Mains.

Menteri Besar, Mohamad Hasan berkata, kerjasama pintar antara Usim dan Mains itu merupakan satu-satunya usaha yang boleh memperkembangkan lagi aktiviti pembangun-



Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Asma (kiri) bertukar perjanjian dengan Timbalan Pengerusi Mains Razak (kanan) sambil disaksikan Mohamad dan Lembaga Pengarah Usim, Tan Sri Abdul Shukur.

an wakaf di negeri ini.

"Apabila Mains mendapat 'pasangan' yang sesuai iaitu Usim menerusi te-

naga kepakarannya, maka merancang lagi aktiviti pembangunan wakaf di negeri ini," katanya.